Menara Tinjau RM21j di Melaka

Um- 11/10/2006

MELAKA 10 Okt. - Pembinaan Menara Tinjau bernilai RM21 juta di Bandar Hilir yang merupakan mercu tanda serta tarikan pelancongan bagi Melaka dimulakan hari ini dan dijangka siap Disember tahun depan.

Pembinaan menara yang sebelum ini dikritik beberapa pihak kerana bimbang akan menjejaskan kawasan warisan sejarah, diteruskan selepas kajian mendalam dilakukan dan mendapat sokongan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim yang melakukan pecah tanah projek itu.

Menurut Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, apabila siap kelak, menara berputar itu mampu menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

"Menara tinjau ini akan menjadi satu lagi tarikan pelancongan untuk datang ke Melaka.

"Dengan kombinasi tiga produk baru iaitu Menara Tinjau, Dataran Pahlawan dan Sungai Melaka, ia pasti menjadi pakej pelancongan menarik kepada pelancong," katanya pada majlis pecah tanah projek itu di sini hari ini.

Menara Tinjau yang akan dibina itu adalah setinggi 110 meter dengan kos pembinaan RM21 juta dan dijangka mengambil masa 17 bulan untuk siap sepenuhnya.

Menara Tinjau yang dibina berkonsepkan keris Taming Sari itu dibina oleh Kumpulan Melaka Berhad (KMB), anak syarikat milik penuh kerajaan negeri.

Masa keseluruhan perjalanan naik dan turun menara berputar yang boleh memuatkan 80 penumpang dalam kabin penumpang pada satu-satu masa itu ialah selama tujuh minit.

Mengulas lanjut, Mohd. Ali berkata, beliau menganggarkan 500,000 orang akan menaiki menara itu dalam setahun.

Sementara itu, menurut Rais, beliau menyokong pembinaan menara itu kerana ia tidak menjejaskan ekologi kawasan sekitar serta menjadi tarikan pelancongan bagi Melaka dan negara.

Katanya, sebelum ini projek itu dikritik berdasarkan fakta bahawa ia struktur moden maka ada pihak merasakan pembinaannya tidak wajar dilakukan.

Pandangan tersebut, jelas beliau, tidak adil kerana pembinaan menara itu dilakukan dengan mengambil kira semua faktor termasuk nilai warisan sejarah di situ.

Beliau berharap, pembinaan menara itu tidak dikaitkan dengan permohonan Melaka untuk mendapatkan pengiktirafan Pertubuhan Bagi Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai Bandar Warisan Dunia.

"Kita harus terima hakikat bahawa kita tidak boleh mengguna pakai piawaian UNESCO untuk menghalang pembangunan kerana kalau hendak gunakan 100 peratus hujah mereka, tiada negeri boleh membangun.

"Mereka menghentikan semua pembangunan apabila kita terpaksa merujuk kepada mereka apa yang hendak dibina, ini pada saya tidak patut," jelas beliau.